## **3. MAKLUMAT PEMEGANG PAS**

- 3.1 Butir-butir yang diberikan di dalam Borang Permohonan dianggap oleh TNGSB sebagai benar dan tepat.
- 3.2 Pemegang Pas hendaklah dengan segera memberitahu TNGSB secara bertulis tentang sebarang perubahan berkenaan butir-butir yang dikemukakan di dalam Borang Permohonan dari masa ke semasa, khususnya, penggunaan sebenar dan orang-orang yang boleh dihubungi dan contoh tandatangan beliau.

## **4. ORANG YANG BOLEH DIHUBUNGI**

- 4.1 Orang-orang yang boleh dihubungi (seperti yang dikehendaki di dalam Borang Permohonan) dan contoh tandatangan mereka hendaklah dihantar kepada TNGSB bersama atau dengan serta-merta selepas penyerahan Borang Permohonan dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari penyerahan Borang Permohonan.
- 4.2 Semua notis bertulis dari Pemegang Pas kepada TNGSB hendaklah ditandatangani oleh orang-orang yang boleh dihubungi dan Pemegang Pas yang bertanggungjawab untuk memastikan bahawa notis juga ditandatangani.
- 4.3 Jika terdapat percanggahan dalam tandatangan, TNGSB mempunyai hak untuk menganggap notis itu sebagai tidak sah dan tidak akan melayan notis tersebut. TNGSB tidak dalam apa-apa cara bertanggungjawab kepada Pemegang Pas itu bagi apa-apa kerugian, kerosakan atau perbelanjaan yang ditanggung oleh Pemegang Pas atas sebab percanggahan tandatangan itu.

## **5. PERMOHONAN DAN PENGELUARAN PAS**

- 5.1 Setelah menerima permohonan Pemegang Pas tersebut dan penerimaan permohonan tersebut adalah tertakluk kepada TNGSB, yang mana TNGSB kemudiannya akan mengeluarkan bilangan Pas yang dikehendaki oleh Pemegang Pas tersebut.
- 5.2 Setiap Pas akan mempunyai jumlah yang telah di muat naik sebanyak RM100.00, nama Pemegang Pas, nombor Pas, nombor pendaftaran kenderaan, bulan Pas itu dikeluarkan, pilihan Pemegang Pas itu dan nama pemandu.
- 5.3 TNGSB mempunyai hak untuk menolak sebarang permohonan untuk mendapatkan Pas tersebut tanpa memberikan sebarang alasan kepada Pemegang Pas.

## **6. PERMOHONAN DAN PENGELUARAN PAS TAMBAHAN**

- 6.1 Pemegang Pas boleh memohon Pas tambahan tetapi bilangan Pas tertakluk kepada peningkatan pembayaran pendahuluan dan lain-lain terma-terma dan syarat-syarat sebagaimana TNGSB boleh mengikut budi bicara mutlak dengan memberi suatu notis yang munasabah secara bertulis atau melalui iklan kepada Pemegang Pas.
- 6.2 TNGSB mempunyai hak untuk menolak sebarang permohonan untuk Pas tambahan dan pengeluaran Pas tambahan tanpa memberi sebarang alasan kepada Pemegang Pas.

## **7. PENDAHULUAN BAYARAN**

- 7.1 Jumlah Bayaran Pendahuluan hendaklah ditakrifkan oleh TNGSB berdasarkan nilai purata penggunaan dan denominasi. Had kredit hendaklah setara dengan Bayaran Pendahuluan.

- 7.2 Bayaran Pendahuluan akan dibayar oleh Pemegang Pas setelah mendapat kelulusan daripada TNGSB terhadap permohonan Pemegang Pas dan Bayaran Pendahuluan perlu dibuat dalam masa yang ditetapkan oleh TNGSB.
- 7.3 TNGSB berhak untuk mengarahkan Pemegang Pas untuk meningkatkan jumlah Bayaran Pendahuluan apabila TNGSB menganggap jumlah itu tidak mencukupi untuk menjamin penggunaan Pemegang Pas terhadap Pas tersebut dengan memberikan notis melalui iklan atau bertulis kepada Pemegang Pas.
- 7.4 Bayaran Pendahuluan hendaklah dibuat kepada TNGSB dalam tempoh 14 hari dari tarikh notis bertulis oleh TNGSB.
- 7.5 Jika Pemegang Pas ingkar membayar jumlah Bayaran Pendahuluan yang perlu dibuat seperti yang dikehendaki di bawah Fasal 7.4, TNGSB hendaklah dengan jelas memaklumkan kepada Pemegang Pas:
- Menyahdayakan Tambah Nilai Automatik semua Pas;
  - Membatalkan Pas; dan/atau
  - Menamatkan Pas.
- 7.6 Setelah TNGSB menerima Bayaran Pendahuluan tersebut, Bayaran Pendahuluan Pemegang Pas akan ditingkatkan dengan sewajarnya tetapi dalam jumlah yang akan ditentukan oleh TNGSB.

## 8. YURAN TAHUNAN

- 8.1 Yuran Tahunan adalah sebanyak **RM31.80** setahun bagi setiap Pas yang dikeluarkan oleh TNGSB.
- 8.2 Jumlah Yuran Tahunan yang betul hendaklah diremitkan kepada TNGSB bersama-sama dengan Borang Permohonan, jika gagal berbuat demikian permohonan boleh ditolak oleh TNGSB.
- 8.3 TNGSB mempunyai hak untuk mengkaji semula jumlah Yuran Tahunan seperti yang difikirkan patut dan Pemegang Pas hanya akan terikat dengan Yuran Tahunan yang disemak semula atas pembaharuan Pas tersebut.
- 8.4 Semua Yuran Tahunan yang dibayar kepada TNGSB (atau mana-mana bahagiannya) tidak akan dikembalikan.

## 9. PEMBAHARUAN PAS

- 9.1 Dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari setiap tarikh ulang tahun pengeluaran Pas itu, TNGSB hendaklah menghantar invoice kepada Pemegang Pas berkenaan Yuran Tahunan bagi memperbaharui Pas tersebut.
- 9.2 Bayaran untuk Yuran Tahunan bagi pembaharuan Pas mestilah dibuat oleh Pemegang Pas dalam tempoh 30 hari dari tarikh invoice.
- 9.3 Pas akan diperbaharui secara automatik oleh TNGSB apabila pembayaran Yuran Tahunan diterima oleh TNGSB. Tempoh pembaharuan akan berkuatkuasa dari tarikh ulang tahun Pas dikeluarkan.
- 9.4 Jika Pemegang Pas gagal membayar Yuran Tahunan untuk memperbaharui Pas seperti yang dikehendaki di bawah Fasal 9.2, TNGSB mempunyai hak tanpa memaklumkan kepada Pemegang Pas untuk:
- Menyahdayakan Tambah Nilai Automatik Pas tertentu;
  - Membatalkan Pas; dan/atau
  - Menamatkan Pas.

## 10. PENGHANTARAN PAS

Penghantaran Pas hendaklah melalui perkhidmatan kurier, pos berdaftar atau oleh apa-apa cara yang ditentukan oleh TNGSB dan Pemegang Pas menanggung risiko penghantaran tersebut dan TNGSB tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan kepada Pemegang Pas di atas sebarang kehilangan atau kelewatan dalam penghantaran Pas tersebut.

## 11. SYARAT PENGGUNAAN

- 11.1 Pas hanya untuk digunakan oleh Pemegang Pas dan kakitangannya yang diberi kuasa atau ejen dan Pemegang Pas hendaklah bertanggungjawab sepenuhnya ke atas penggunaan Pas.
- 11.2 Pemegang Pas hendaklah menggunakan Pas mengikut prosedur dan arahan dari masa ke semasa yang ditetapkan oleh TNGSB dan Pembekal Perkhidmatan.
- 11.3 TNGSB hendaklah menerima penggunaan Pas dan transaksi Tambah Nilai Automatik dengan syarat bahawa Pas tersebut adalah sah apabila diserahkan pada Pembekal Perkhidmatan.
- 11.4 TNGSB tidak akan bertanggungjawab ke atas apa-apa tindakan mana-mana Pembekal Perkhidmatan sekiranya mereka menghilangkan

atau meninggalkan sesuatu yang sepatutnya dibuat, termasuk keengganan mereka untuk menerima Pas, atau sebarang kecacatan atau kekurangan dalam mana-mana perkhidmatan yang diperolehi apabila menggunakan Pas tersebut dan tidak ada tuntutan terhadap Pembekal Perkhidmatan yang melayakkan Pemegang Pas dalam membuat tolakan atau tuntutan balas terhadap TNGSB.

- 11.5 Pemegang Pas tidak boleh menjual, merosakkan atau menggubah Pas atau melakukan sebarang perbuatan yang mungkin menghalang penggunaan Pas.
- 11.6 Pemegang Pas hendaklah menggunakan Pas selaras dengan terma-terma dan syarat-syarat dan undang-undang.
- 11.7 Jika Pemegang Pas melanggar mana-mana terma dan syarat-syarat ini, TNGSB mempunyai hak tanpa memaklumkan kepada Pemegang Pas untuk:
- Menyahdayakan Tambah Nilai Automatik semua Pas;
  - Membatalkan Pas; dan/atau
  - Menamatkan Pas.

## **12. TAMBAH NILAI AUTOMATIK (“AUTO RELOAD”)**

- 12.1 Pas hendaklah dimuat naik secara automatik dengan Tambah Nilai Automatik yang telah ditetapkan, jika semasa penggunaan Pas, Nilai Yang Tidak Digunakan di dalam Pas itu berada pada atau di bawah **RM50.00** atau apa-apa jumlah lain sebagaimana yang ditetapkan oleh TNGSB.
- 12.2 Semua transaksi Tambah Nilai Automatik akan direkodkan oleh TNGSB dalam akaun Pemegang Pas bagi tujuan rekod dan pengeluaran invoice.
- 12.3 Transaksi Tambah Nilai Automatik dibenarkan sekali sahaja dalam masa dua puluh empat (24) jam.

## **12A. CBP**

- 12A.1 Hanya bila dinyatakan sebaliknya, kesemua yuran-yuran atau jumlah jumlah bayaran wang lain atau sebarang pertimbangan lain yang diberikan, atau akan diberikan, di bawah atau yang berkaitan dengan Perjanjian ini, adalah tidak termasuk CBP.
- 12A.2 Harga yang dinyatakan di sini adalah termasuk **Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST); 6% GST**.

## **13. E-IMUS (PENYATA DALAM TALIAN BERASASKAN JARINGAN (“WEB”)**

- 13.1 E-IMUS hendaklah menunjukkan butir-butir tentang semua penggunaan Pas dan transaksi Tambah Nilai Automatik dalam akaun Pemegang Pas melalui laman sesawang [www.touchngo.com.my](http://www.touchngo.com.my). Semua terma-terma dan syarat-syarat akses dan syarat laman web adalah digunakan.
- 13.2 Kata laluan/Identiti (“ID”) pengguna untuk mengakses E-IMUS akan dimaklumkan kepada Pemegang Pas selepas mendapat kelulusan tentang permohonan Pas dari TNGSB.
- 13.3 Semua maklumat hendaklah dimuat naik dalam tempoh **tujuh puluh dua (72) jam** dari waktu sebenar berlakunya transaksi penggunaan Pas dan transaksi Tambah Nilai Automatik dan semua maklumat tersebut hendaklah disimpan bagi tempoh **tiga (3) bulan** dari tarikh ianya dimuat naik, selepas itu maklumat tersebut akan dihapuskan dari E-IMUS.
- 13.4 Semua maklumat tersebut adalah dianggap benar dan tepat seperti penggunaan Pas yang direkodkan didalam sistem pangkalan data TNGSB.

## **14. KEROSAKAN, PENGGUNAAN YANG TIDAK DIBENARKAN, KEHILANGAN DAN KECURIAN PAS**

- 14.1 Pemegang Pas akan mengambil dan menggunakan semua langkah berjaga-jaga yang munasabah untuk mencegah kerosakan, penggunaan Pas yang tidak dibenarkan (termasuk penipuan), kehilangan dan kecurian Pas dan TNGSB tidak akan bertanggungjawab kepada mana-mana Pemegang Pas sekiranya berlaku perkara-perkara yang disebut diatas.
- 14.2 Sekiranya berlaku kerosakan, penggunaan Pas yang tidak dibenarkan, kehilangan dan kecurian Pas (selepas ini disebut "Pas yang telah dipinda"), Pemegang Pas hendaklah dengan segera memberitahu TNGSB secara bertulis diikuti dengan panggilan telefon untuk mengesahkan bahawa TNGSB menerima pemberitahuan, di alamat berikut dan disertakan butir-butir berikut:

**Jabatan Khidmat Pelanggan**  
**Touch 'n Go Sdn Bhd**  
**Tower 6, Avenue 5 Bangsar South,**  
**No. 8, Jalan Kerinchi,**  
**59200 Kuala Lumpur.**  
Careline: **03-2714 8888**  
Faks: **03-2714 8889**  
Emel: **careline@touchngo.com.my**

Butiran yang diperlukan:  
Nama Pemegang Pas  
Nombor Pas  
Nombor pendaftaran  
kenderaan  
Nama pemandu (jika ada)

14.3 Jika terdapat sebarang aduan atau pertanyaan di mana tidak diberi maklumbalas oleh pihak TNGSB, Anda boleh menghubungi Bank Negara LINK dan TELELINK di:

Bank Negara Malaysia  
Laman Informasi Nasihat dan Khidmat (LINK)  
Ground Floor, D Block,  
Jalan Dato' Onn  
50480 Kuala Lumpur

Contact Centre (BNMTELELINK)  
Tel : 1-300-88-5465  
(Luarnegara: 603-2174-1717)  
Faks: 603-2174-1515  
Emel: [bnmtelelink@bnm.gov.my](mailto:bnmtelelink@bnm.gov.my)

14.4 Untuk mengelakkan penggunaan "Pas yang telah dipinda, TNGSB hendaklah dalam tempoh **dua puluh empat (24) jam** selepas penerimaan pemberitahuan bertulis tersebut:

- membatalkan Pas yang dilaporkan sebagai tidak dibenarkan untuk diguna, hilang atau dicuri
- Menamatkan Pas yang dilaporkan rosak

14.5 Pemegang Pas hendaklah bertanggungjawab ke atas penggunaan "Pas yang telah dipinda" sebelum dan dalam tempoh 24 jam sebelum TNGSB menerima notis bertulis tersebut.

14.6 TNGSB hendaklah bertanggungjawab ke atas penggunaan "Pas yang telah dipinda" selepas tamat tempoh 24 jam dari masa TNGSB menerima notis bertulis tersebut.

## 15. INVOIS DAN PEMBAYARAN TAMBAH NILAI AUTOMATIK

15.1 TNGSB hendaklah menghantar invois kepada Pemegang Pas untuk transaksi Tambah Nilai Automatik dengan cara berikut:

- **Invois yang dijadualkan** -sekali setiap bulan pada tarikh yang mungkin berbeza dari masa ke semasa; dan
- **Invois "ad-hoc"** – pada bila-bila masa dan pada mana-mana tarikh, apabila TNGSB menganggap bahawa Bayaran Pendahuluan adalah tidak mencukupi untuk menjamin jumlah yang dijana daripada transaksi Tambah Nilai Automatik.

15.2 Invois akan dihantar melalui e-mel berdasarkan pada alamat e-mel berdaftar di dalam Borang Permohonan. Pelanggan FleetPas adalah bertanggungjawab untuk memberitahu TNGSB tentang sebarang perubahan pada alamat e-mel dengan serta-merta. Permintaan untuk invois bercetak akan tertakluk kepada bayaran sebanyak **RM 5.30** untuk satu invois.

15.3 TNGSB mempunyai hak untuk menghantar mana-mana invois Tambah Nilai Automatik berkenaan transaksi Tambah Nilai Automatik bagi bulan tersebut kepada bulan yang berikutnya, jika dianggap perlu oleh TNGSB.

15.4 Pemegang Pas hendaklah memastikan bahawa bayaran untuk Tambah Nilai Automatik diterima dan dikreditkan kepada TNGSB dari tarikh matang yang tertera didalam invois dengan syarat Jumlah Tambah Nilai Automatik tidak melebihi 80% atau Bayaran Pendahuluan.

15.5 Jika Pemegang Pas ingkar membayar Jumlah Tambah Nilai Automatik yang dikehendaki di bawah Fasal 15.4, TNGSB hendaklah memaklumkan kepada Pemegang Pas dengan jelas untuk:

- Menyahdayakan Tambah Nilai Automatik untuk semua Pas;
- Membatalkan Pas; dan/atau
- Menamatkan Pas.

15.6 TNGSB mempunyai hak untuk menyahdayakan Tambah Nilai Automatik semua Pas jika pada bila-bila masa Jumlah Tambah Nilai Automatik mencapai 80% (atau apa-apa peratusan lain yang akan ditentukan oleh TNGSB) untuk Bayaran Pendahuluan.

15.7 Invois daripada TNGSB hendaklah dianggap sebagai betul dan muktamad.

## **16. PENYELESAIAN PERTIKAIAN**

- 16.1 Sebarang pertikaian akan dirujuk kepada TNGSB. TNGSB hendaklah memberikan Pemegang Pas keputusan secara bertulis dalam tempoh tiga puluh (30) Hari Perniagaan dari tarikh penerimaan aduan tersebut daripada Pemegang Pas.
- 16.2 Sebarang pertikaian yang tidak dapat diselesaikan antara TNGSB dan Pemegang Pas hendaklah dirujuk kepada pengantara yang dicalonkan oleh pihak-pihak terlibat.
- 16.3 Semua pertikaian yang gagal diselesaikan dalam tempoh enam puluh (60) Hari Perniagaan selepas menjalani pengantaraan hendaklah kemudiannya dirujuk kepada satu Jawatankuasa yang terdiri daripada ahli yang dilantik oleh Lembaga Pengarah dari pihak masing-masing untuk menyelesaikan pertikaian yang tersebut dalam tempoh enam puluh (60) Hari Perniagaan berikutnya.
- 16.4 Mana-mana pertikaian atau perbezaan antara TNGSB dan Pemegang Pas ke atas mana-mana perkara di bawah ini yang tidak boleh diselesaikan secara baik antara pihak melalui pengantaraan dan Jawatankuasa yang dilantik menurut Fasal 16.3 akan dirujuk kepada timbangtara (menurut Akta Timbang Tara 2005) oleh seorang Penimbangtara yang dilantik oleh Pengarah Pusat Serantau Timbangtara Kuala Lumpur ("KLRC")

## **17. TAMBAH NILAI AUTOMATIK YANG TIDAK BOLEH BERFUNGSI**

- 17.1 Terma "Tambah Nilai Automatik Yang Tidak Boleh Berfungsi" bermakna Pas adalah dihalang daripada melaksanakan transaksi Tambah Nilai Automatik (selepas ini disebut "Pas yang tidak boleh berfungsi"). Pas Tambah Nilai Automatik yang tidak boleh berfungsi masih boleh digunakan sehingga nilai yang belum dimanfaatkan digunakan sepenuhnya.
- 17.2 Prosedur untuk menarik balik pembatalan Pas yang tidak boleh berfungsi adalah:
- Pemegang Pas mestilah membetulkan kesalahan yang menyebabkan Pas itu dinyahdayakan;
  - memberi notis bertulis kepada TNGSB tentang niat Pemegang Pas untuk menarik balik pembatalan Pas yang tidak boleh berfungsi.
- 17.3 Penarikan balik tersebut adalah tertakluk kepada pembayaran keatas semua jumlah tertunggak kepada TNGSB dan/atau membaik pulih sehingga TNGSB berpuas hati terhadap terma-terma dan syarat-syarat yang dilanggar oleh Pemegang Pas dan mematuhi prosedur-prosedur lain yang akan ditetapkan oleh TNGSB.

## **18. MEMBATALKAN PAS**

- 18.1 Istilah "membatalkan Pas" bermakna Pas adalah disenaraihitamkan dan dihalang daripada menjalankan transaksi Tambah Nilai Auto matik dan penggunaan Pas (selepas ini disebut "membatalkan Pas").
- 18.2 Prosedur untuk mengaktifkan semula Pas terbatal dan tidak sah adalah seperti yang dinyatakan dalam Klausa 20.

## **19. MENAMATKAN PAS**

- 19.1 Terma "Menamatkan Pas" bermakna Pas adalah kekal dan benar-benar dihalang daripada melaksanakan transaksi Tambah Nilai Automatik dan penggunaan Pas (selepas ini disebut "Menamatkan Pas").
- 19.2 Pas ditamatkan boleh digantikan dengan Pas yang baru dengan cara yang dinyatakan dalam Fasal 21.

## **20. PAS DIAKTIFKAN SEMULA**

- 20.1 Subjek kepada kelulusan TNGSB, Pemegang Pas boleh mengaktifkan semula mana-mana Pas yang telah dilaporkan kepada TNGSB bagi penggunaan tanpa kebenaran atau tidak sah.
- 20.2 Prosedur untuk mengaktifkan semula Pas yang terbatal dan tidak sah ialah:
- Pemegang Pas mesti membetulkan kesalahan yang menyebabkan Pas tadi diiktiraf sebagai tidak sah
  - Selepas itu memberi notis bertulis kepada TNGSB dengan niat untuk mengaktifkan semula Pas yang terbatal dan tidak sah
- 20.3 Pengaktifan semula tertakluk kepada pembayaran keatas semua jumlah tertunggak kepada TNGSB dan/atau membaik pulih sehingga TNGSB berpuas hati terhadap terma-terma dan syarat-syarat yang dilanggar oleh Pemegang Pas dan mematuhi prosedur-prosedur lain yang akan ditetapkan oleh TNGSB.
- 20.4 Selepas mendapat kelulusan di Fasal 20.3, Pemegang Pas itu hendaklah mengaktifkan semula Pas selepas empat puluh lapan (48) jam di lokasi yang ditentukan oleh TNGSB.

## 21. PAS GANTIAN

- 21.1 Tertakluk kepada kelulusan TNGSB, Pemegang Pas boleh membuat permohonan untuk menggantikan mana-mana Pas yang telah dilaporkan kepada TNGSB sebagai rosak, hilang atau dicuri atau ditamatkan oleh TNGSB atas apa-apa sebab.
- 21.2 Sekiranya terdapat perubahan kepada butir-butiran untuk permohonan Pas gantian, Pemegang Pas hendaklah memaklumkan kepada TNGSB tentang perubahan tersebut tetapi jika tiada Pas gantian itu hendaklah mempunyai butir-butir yang sama seperti Pas sebelumnya (iaitu: nama Pemegang Pas, nombor Pas, nombor pendaftaran kenderaan dan bulan pengeluaran Pas sebelumnya dan pilihan Pemegang Pas itu, nama pemandu).
- 21.3 TNGSB hendaklah memindahkan Nilai Yang Tidak Digunakan didalam Pas sebelumnya (jika ada) ke dalam Pas baru.
- 21.4 Yuran Tahunan yang dibayar untuk Pas sebelumnya akan terus disambung ke Pas yang baru.
- 21.5 Bayaran gantian sebanyak **RM31.80** akan dikenakan bagi setiap Pas yang digantikan oleh TNGSB.
- 21.6 Pembayaran bagi Yuran Penggantian mestilah dibayar oleh Pemegang Pas semasa permohonan gantian bagi Pas baru.
- 21.7 Pengaktifan semula tertakluk kepada pembayaran keatas semua jumlah tertunggak kepada TNGSB dan/atau membaik pulih sehingga TNGSB berpuas hati terhadap terma-terma dan syarat-syarat yang dilanggar dan mematuhi prosedur-prosedur lain yang akan ditetapkan oleh TNGSB.

## 22. TANGGUNGJAWAB DAN MENANGGUNG RUGI (“LIABILITIDAN INDEMNITI”)

- 22.1 TNGSB tidak akan bertanggungjawab terhadap kehilangan atau kerosakan yang dialami oleh Pemegang Pas yang berkaitan dengan penggunaan Pas.
- 22.2 TNGSB tidak akan dalam sebarang keadaan bertanggungjawab untuk mana-mana kos sampingan atau kerugian atau kerosakan yang mungkin timbul berkaitan dengan penggunaan Pas berkenaan dengan harta, atau kehilangan keuntungan, perniagaan, perolehan, muhibah atau kehilangan simpanan yang dijangka.
- 22.3 Kecuali dinyatakan sebaliknya dalam terma-terma dan syarat-syarat ini, Pemegang Pas itu hendaklah menanggung kerugian TNGSB bagi semua tuntutan dari mana-mana pihak ketiga (termasuk Pembekal Perkhidmatan) kos dan perbelanjaan (termasuk kos undang-undang) ditanggung oleh TNGSB yang mungkin timbul secara langsung atau tidak langsung daripada penggunaan, kerosakan, kehilangan atau kecurian Pas atau dari Pemegang Pas yang melanggar mana-mana terma-terma dan syarat-syarat.

## 23. PENAMATAN

- 23.1 Perjanjian ini boleh ditamatkan oleh Pemegang Pas itu dengan memberi 1 bulan notis diikuti dengan penyerahan semua Pas secara langsung dan penyerahan dibuat HANYA kepada TNGSB di ibu pejabatnya pada atau sebelum tamat tempoh notis bertulis satu (1) bulan tersebut. Penamatan hanya akan berkuatkuasa apabila TNGSB menerima notis tersebut dan semua Pas tersebut. Pemegang Pas adalah bertanggungjawab ke atas semua penggunaan Pas dan transaksi Tambah Nilai Automatik yang dilaksanakan terlebih dahulu sebelum TNGSB menerima semua Pas tersebut.
- 23.2 TNGSB boleh pada bila-bila masa dan tanpa notis boleh menamatkan Perjanjian ini apabila berlakunya kejadian seperti berikut:
- (i) jika Pemegang Pas gagal untuk membayar apa-apa bayaran kepada TNGSB, termasuk tetapi tidak terhad kepada pembayaran kenaikan Bayaran Pendahuluan di bawah Fasal 7, Yuran Tahunan bagi pembaharuan di bawah Fasal 9, Yuran Penggantian di bawah Fasal 21 dan lain-lain bayaran yang ditetapkan untuk dibayar di bawah terma-terma dan syarat-syarat ini;
  - (ii) jika Pemegang Pas melebihi Bayaran Pendahuluan, sama ada peningkatan Bayaran Pendahuluan itu diarahkan oleh TNGSB atau pun tidak;
  - (iii) jika Pemegang Pas yang melanggar mana-mana terma-terma dan syarat-syarat ini;
  - (iv) jika Pemegang Pas memasuki resolusi atau suatu perintah dibuat bagi penggulungan (kecuali bagi tujuan pembinaan semula, cantuman yang tidak melibatkan merealisasikan aset) atau tamat atau mengancam untuk berhenti menjalankan perniagaan atau pembubaran sama ada secara paksaan atau secara sukarela atau barang-barangnya diambil dalam pelaksanaan tersebut atau menjadi muflis atau membuat perancangan dengan pemiutang atau tertakluk kepada perintah pentadbiran atau seorang Penerima dan/atau Pengurus dilantik ke atas mana-mana harta, aset atau akujanji atau mana-mana bahagiannya atau jika terdapat perubahan dalam pemegang saham utama Syarikat atau tertakluk kepada apa-apa jua yang serupa berikutan dengannya di bawah undang-undang di mana-mana bidang kuasa;
  - (v) jika TNGSB berpendapat bahawa kedudukan kewangan Pemegang Pas adalah atau telah menjadi tidak kukuh dan keupayaan Pemegang Pas untuk memenuhi terma-terma dan syarat ini telah menjadi lemah;



- (vi) jika adalah menurut pendapat TNGSB bahawa Perkhidmatan adalah atau boleh digunakan untuk tujuan penipuan, menyalahi undang-undang atau menyalahi undang-undang termasuk tetapi tidak terhad kepada pelanggaran undang-undang, peraturan dan / atau garis panduan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan / atau Akta Pencegahan Pengubahan Wang Pembiayaan Keganasan 2001; atau
- (vii) oleh persetujuan bersama pihak-pihak menurut Fasal 27.

Sekiranya Perkhidmatan Pas telah berhenti, ditamatkan atau digantung oleh TNGSB mengikut fasal 23.2 di atas, maka adalah sah bagi TNGSB untuk menyimpan apa-apa dan semua wang tambah nilai untuk tempoh masa yang tidak terhad mengikut undang-undang, peraturan dan / atau garis panduan; dan akibatnya anda tidak berhak untuk mendapatkan sebarang bayaran balik ke atas baki kad atau mana-mana bahagiannya; dan anda tidak berhak untuk menuntut apa-apa bentuk pampasan bagi apa-apa kerugian yang timbul daripadanya.

## **24. AKIBAT DARIPADA PENAMATAN**

- 24.1 Pada tarikh penamatan Perjanjian ini, baki tertunggak dalam Akaun Pas dengan serta-merta perlu dibayar oleh Pemegang Pas itu tidak kira sama ada di invoice oleh TNGSB atau tidak.
- 24.2 Dalam tempoh 30 hari dari tarikh penamatan, Nilai Yang Tidak Digunakan dalam Pas dan Bayaran Pendahuluan akan dipulangkan kepada Pemegang Pas itu selepas ditolak semua jumlah yang tertunggak dan bayaran yang ditetapkan oleh TNGSB untuk yuran pemprosesan.
- 24.3 Selepas ditolak semua denda, caj dan faedah, jika ada, Nilai Yang Tidak Digunakan di dalam Pas dan Bayaran Pendahuluan akan dipulangkan kepada Pemegang Pas dalam tempoh 30 hari dari tarikh permintaan oleh Pemegang Pas itu dan selepas itu Pemegang Pas itu tidak akan mempunyai apa-apa tuntutan terhadap TNGSB.
- 24.4 Penamatan Perjanjian ini tidak akan menjejaskan hak dan tanggungjawab mana-mana pihak terhadap pihak yang lain berkenaan dengan pelanggaran terdahulu terma-terma dan syarat-syarat ini.

## **25. KESELURUHAN PERJANJIAN DAN PINDAAN**

Perjanjian ini adalah keseluruhan perjanjian antara pihak-pihak. TNGSB berhak untuk meminda terma-terma dan syarat-syarat ini pada bila-bila masa dan akan memaklumkan kepada Pemegang Pas apa-apa pindaan dan tarikh berkuatkuasa pindaan tersebut melalui surat, memaparkan di premis TNGSB dan premis pembekal khidmat, mengiklankan di media dan/atau dalam apa-apa cara lain yang mana di anggap perlu oleh TNGSB.

## **26. PENOLAKAN (“SET-OFF”)**

TNGSB mempunyai hak untuk menolak apa-apa bayaran yang tertunggak kepada TNGSB keatas mana-mana jumlah atau wang yang dihutang oleh TNGSB kepada Pemegang Pas.

## **27. KEADAAN YANG TIDAK DIJANGKA (“FORCE MAJEURE”).**

- 27.1 Tiada pihak-pihak yang dianggap melanggar kewajipannya di bawah terma-terma dan syarat-syarat ini jika ia tidak dapat melaksanakan kewajipan tersebut atau mana-mana bahagian dalam terma dan syarat-syarat ini kerana kejadian itu bukan dalam kawalan pihak itu atau pihak itu tidak mampu untuk menghalang, mengelakkan atau mengalihkan (“Kejadian Force Majeure”) di mana ia telah dimaklumkan kepada pihak yang lain.
- 27.2 Notis terhadap kejadian Force Majeure hendaklah diberikan kepada pihak yang lain dalam tempoh empat belas (14) hari kalendar dari tarikh berlakunya kejadian itu.
- 27.3 Sekiranya kewajipan pihak-pihak tertunda disebabkan kejadian Force Majeure tarikh bagi melaksanakan kewajipan tersebut hendaklah ditetapkan kepada satu tarikh lain yang mana tarikh tersebut hendaklah dipersetujui oleh pihak-pihak secara bertulis.
- 27.4 Jika kejadian Force Majeure berterusan melebihi enam (6) bulan, pihak-pihak hendaklah memasuki perbincangan dengan niat baik bertujuan untuk meringankan kesan, atau bersetuju atas apa-apa alternatif yang adil dan munasabah, tetapi tidak terhad kepada penamatan Perjanjian ini.

## **28. PENDEDAHAN**

- 28.1 TNGSB hendaklah mengekalkan butir-butir peribadi Pemegang Pas sebagai sulit kecuali maklumat tersebut perlu didedahkan dan jika pendedahan itu diperlukan ianya adalah untuk tujuan memberi perkhidmatan kepada Pemegang Pas. TNGSB tidak boleh mendedahkan maklumat Pemegang Pas kepada mana-mana pihak ketiga untuk tujuan lain melainkan Pemegang Pas tersebut yang memberi kebenaran khusus untuk tujuan itu.
- 28.2 Walau apapun Fasal 28.1, TNGSB boleh menggunakan dan / atau mendedahkan maklumat kepada:

- i. badan-badan berkanun atau pihak berkuasa lain yang mengikut undang-undang atau sebarang pengesanan atau pencegahan jenayah dan / atau penipuan;
- ii. mana-mana pihak yang terlibat atau berkaitan dengan prosiding undang-undang yang berkaitan dengan Perkhidmatan;
- iii. untuk mematuhi apa-apa obligasi undang-undang yang tertakluk kepada TNGSB.

## **28A. PERLINDUNGAN DATA PERIBADI**

28A.1 Pemegang Pas mengakui yang mereka mengetahui dan memberi kebenaran kepada TNGSB bahawa maklumat yang dikumpul oleh TNGSB daripada Pemegang Pas ("Data Peribadi") akan digunakan dan/atau didedahkan menurut Notis Privasi TNGSB seperti yang dicatatkan di laman web TNGSB di [www.touchngo.com.my](http://www.touchngo.com.my) dan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010.

28A.2 Di mana Pemegang Pas secara sukarela memberikan data peribadi mereka untuk tujuan yang diketahui atau di mana maklumat boleh didapati secara umum dan boleh didapati dengan cara yang dijangka munasabah di lokasi atau acara yang terbuka kepada orang ramai, ia akan dianggap sebagai persetujuan tersirat dan persetujuan tersirat itu akan dianggap sebagai persetujuan yang sah.

## **28B. KERAHSIAAN**

28B.1 TNGSB mengakui bahawa dokumen dan maklumat yang dikumpul oleh TNGSB daripada Anda yang berhubungan dengan hal ehwal atau akaun anda sebagai pelanggan TNGSB hanya akan digunakan dan/atau didedahkan mengikut provisi kerahsiaan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013.

## **29. PEMBINAAN SEMULA**

Tanggungjawab dan/atau obligasi yang diwujudkan dalam terma-terma dan syarat-syarat ini kecuali secara sahnyanya ditamatkan oleh pihak-pihak hendaklah dianggap berterusan dan menjadi sah dan mengikat untuk semua tujuan tanpa mengambil kira apa-apa perubahan melalui penyatuan, penyusunan semula atau sebaliknya yang mungkin dibuat didalam Perlembagaan mana-mana pihak di sini.

## **30. SEBARANG PENYERAHAN HAK**

Pemegang Pas tidak boleh menyerahhakkan segala hak-hak dan kewajipan-kewajipan di bawah polisi kepada sesiapa tanpa kebenaran bertulis daripada TNGSB.

## **31. NOTIS**

Sebarang notis yang perlu diberikan oleh satu pihak kepada pihak yang lain hendaklah diberi secukupnya jika dihantar dengan tangan atau pos prabayar berdaftar atau faksimili kepada alamat pihak lain (seperti yang dinyatakan dalam Borang Permohonan dan dimaklumkan oleh salah satu pihak yang lain dari masa ke semasa) dan hendaklah disifatkan sebagai disampaikan dengan sewajarnya: -

- (i) jika dihantar dengan tangan, pada penyampaian dan diakui penerimaannya; atau
- (ii) jika ia dihantar melalui pos berdaftar prabayar, dalam tempoh lima (5) hari selepas dipos; atau
- (iii) jika ia dihantar melalui faksimili, sejurus selepas penghantaran daripadanya disahkan oleh laporan transmisi yang menyatakan Nombor Faks yang betul dan bilangan muka surat yang dihantar dan bahawa penghantaran tersebut adalah "OK" dan jika tarikh penghantaran bukan Hari Perniagaan, maka, notis melalui faksimili hendaklah dianggap disampaikan pada Hari Perniagaan berikutnya;

Dengan syarat bahawa apa-apa notis oleh Pemegang Pas kepada TNGSB hendaklah ditandatangani oleh orang-orang yang boleh dihubungi seperti yang dikehendaki di bawah Fasal 4.2.

## **31A. TEMPOH**

31A.1 TNGSB berhak mengikut budi bicara mutlaknyanya, dari semasa ke semasa, untuk mengubah, menambah atau meminda Terma-terma dan Syarat-syarat atau mana-mana bahagian termasuk, tetapi tidak terhad kepada Perkhidmatannya. TNGSB akan memberi notis kepada Anda mengenai perubahan, penambahan atau pindaan terhadap Terma-terma dan Syarat-syarat samada secara bertulis, kaedah elektronik, dipamerkan di premis perniagaan kami, diumumkan di laman web rasmi kami atau disiarkan dalam akhbar harian dalam bahasa utama tidak kurang daripada dua puluh satu (21) hari sebelum tarikh kuat kuasa penambahan variasi, atau pindaan terhadap Terma-terma dan Syarat-syarat, mengikut mana-mana yang berkenaan. Penggunaan berterusan Anda ke atas Perkhidmatan selepas tarikh kuat kuasa apa-apa perubahan, tambahan atau pindaan terhadap Terma-terma dan Syarat-syarat tersebut akan dianggap sebagai penerimaan tanpa syarat ke atas variasi, tambahan atau pindaan oleh Anda dan Anda akan terikat dengan syarat yang sama. Jika Anda tidak menerima perubahan, tambahan atau pindaan tersebut, Anda berhak untuk menamatkan penggunaan Perkhidmatan. TNGSB tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kehilangan atau kesulitan yang dihadapi oleh Anda.

31A.2 Yuran dan caj yang dikenakan oleh TNGSB menurut Terma-terma dan Syarat-syarat mungkin berubah dari semasa ke semasa. TNGSB hendaklah memberitahu Pemegang Kad mengenai apa-apa perubahan kepada yuran dan caj yang dikenakan oleh TNGSB dengan memberi tidak kurang daripada dua puluh satu (21) hari sebelum tarikh berkuatkuasanya perubahan terhadap yuran dan caj.

**32. PELEPASAN**

Sebarang kegagalan untuk menjalankan dan kelewatan dalam menjalankan apa-apa hak, kuasa keistimewaan di bawah terma-terma dan syarat-syarat ini bukanlah suatu pelepasan, tidak menjalankan mana-mana satu atau sebahagian daripada hak atau kuasa keistimewaan tidak akan menghalang pihak-pihak untuk menjalankan hak atau kuasa keistimewaan tersebut di masa hadapan.

**33. BERASINGAN**

Jika mana-mana peruntukan dalam terma-terma dan syarat-syarat ini tidak sah, menyalahi undang-undang atau tidak boleh dikuatkuasakan dari apa-apa segi di bawah sebarang undang-undang, peruntukan yang tidak sah, menyalahi undang-undang atau kegagalan menguatkuasakan itu tidak dalam apa-apa cara mempengaruhi atau menjejaskan mana-mana peruntukan lain dalam terma-terma dan syarat-syarat ini dan terma-terma dan syarat-syarat ini akan ditafsirkan seolah-olah peruntukan yang tidak sah, menyalahi undang-undang atau tidak boleh dikuatkuasakan tidak pernah dimasukkan ke dalam Perjanjian ini.

**34. MASA**

Masa dimana yang disebut hendaklah dianggap sebagai asas kepada terma-terma dan syarat-syarat dalam perjanjian ini.

**35. PENTADBIRAN UNDANG-UNDANG**

Terma-terma dan syarat-syarat ini akan ditadbir dan ditafsir keseluruhannya menurut undang-undang Malaysia.

**36. PENGGANTI TERIKAT**

Terma-terma dan syarat-syarat ini hendaklah mengikat pihak pengganti yang diserahkan.

**37. SIJIL PERAKUAN**

Saya dengan ini mengakui bahawa saya telah membaca dan memahami semua Fasal-Fasal yang termaktub dalam terma-terma dan syarat-syarat ini. Saya dengan ini bersetuju untuk mematuhi terma-terma dan syarat-syarat yang ditetapkan di dalam Touch 'n Go FleetPas Korporat & Biz XS.

**38. BAHASA**

Terma-terma dan Syarat-syarat Perjanjian ini juga boleh didapati dalam Bahasa Inggeris. Sekiranya terdapat ketidakselarasan, konflik, kesamaran atau percanggahan antara versi Bahasa Inggeris dan versi lain Terma-terma dan Syarat-syarat ini, versi yang telah Anda baca dan persetujui akan diguna pakai.